

29 JUN 2002

PBS HORMATI KEHENDAK DR MAHATHIR, IKRAR SOKONG ABDULLAH

KOTA KINABALU, 29 Jun (Bernama) -- Majlis Tertinggi Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini meluluskan usul menerima keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan semua jawatan dalam Umno, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan selepas Oktober tahun depan.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata, PBS juga menerima dan menghormati kehendak Dr Mahathir untuk melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Presiden Umno, Pengerusi BN dan Perdana Menteri apabila beliau bersara kelak.

"Ahli MT PBS berikrar akan terus memberi kepercayaan dan sokongan padu kepada kepimpinan baru BN di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, apabila tiba masanya beliau mengambil alih tempat sebagai Pengerusi BN dan Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pada masa yang sama parti itu mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr Mahathir atas kepimpinan, sumbangan dan segala jasa baik beliau sama ada secara peribadi mahupun sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

PBS menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang berjaya mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran, kesejahteraan rakyat serta suasana aman dan harmoni di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Kami bersyukur dan mengakui bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin politik dan negarawan ulung yang berwawasan, berkaliber, berpendirian dan berani bersuara yang telah menjulang nama baik Malaysia di peringkat antarabangsa," kata Joseph Pairin.

-- BERNAMA

JS HM